



Pelajar perlu memanfaatkan bantuan *Netbook 1 Malaysia*

Seramai 375 orang pelajar yang sedang menuntut di Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima bantuan komputer *netbook* pada Program Penyerahan *Netbook 1 Malaysia* yang diadakan di Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 29 April 2013 yang lalu.

Program ini merupakan inisiatif kerajaan menggunakan dana khidmat sejagat (UPS) dalam usaha membantu pelajar-pelajar di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) bagi keperluan pembelajaran dan mengurangkan beban para pelajar yang kurang berkemampuan dalam memanfaatkan penggunaan jalur lebar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.

Pemberian *netbook* ini disasarkan kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dan IPT yang memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM).

Antara kriteria yang dinilai termasuklah pendapatan keluarga tidak melebihi daripada RM3,000 dan tidak pernah menerima *Netbook 1 Malaysia*.

Selain itu, pemberian hanya dihadkan kepada satu unit untuk sebuah keluarga serta pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik, aktif dalam kokurikulum dan rekod disiplin yang baik.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim, para pelajar pada masa kini perlulah sentiasa bersyukur dengan segala kemudahan dan memanfaatkan *netbook* yang merupakan satu kemudahan pada abad ke-21 ini.

"Pelajar perlu menggunakannya dengan rasa penuh bertanggungjawab dan memaksimumkan penggunaan kemudahan

jalur lebar yang disediakan dalam memastikan usaha murni ini dapat digunakan sepenuhnya.

"Keprihatinan kerajaan terhadap kebajikan pelajar kini memfokuskan tiga perkara penting iaitu pendapatan yang tinggi di kalangan masyarakat dan tiada perbezaan yang boleh diketepikan. Malah, tiada sesiapa pun boleh dipinggirkan dalam pembangunan secara lestari ini," katanya

Menurutnya, UMP merupakan universiti pertama di negeri Pahang yang menerima kemudahan *netbook* untuk pelajar-pelajarnya manakala sebanyak 170,000 unit *netbook* telah diedar di seluruh negeri Pahang melibatkan pelajar Kolej Komuniti dan pelajar sekolah sejak pelancarannya tiga tahun lalu.

Majlis turut dihadiri Timbalan Pengarah SKMM Wilayah Timur, Shahrizal Hussin.

